

Oleh Presiden Henry B. Eyring
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama



Doa Yang Beriman

Doa adalah lebih dari kata yang kita ucap kepada Tuhan. Ia ialah satu komunikasi dua hala antara Tuhan dan anak-anak-Nya.

Apabila doa bekerja dengan seharusnya, kita menunjukkan perasaan hati kita dengan kata-kata yang mudah. Bapa Syurgawi biasanya menjawab doa dengan meletakkan fikiran dalam minda kita bersama dengan perasaan. Dia selalu mendengar doa kita yang tulus ikhlas apabila kita berdoa dengan komitmen untuk mematuhi Dia, tidak kira apa pun jawapan-Nya dan tidak kira bila pun jawapan itu datang.

Tuhan membuat perjanjian ini dengan semua yang membaca dan berdoa tentang Kitab Mormon:

“Dan apabila kamu akan menerima hal-hal ini, aku hendak mendorongmu agar kamu akan bertanya kepada Tuhan, Bapa Yang Abadi, dalam nama Kristus, jikalau hal-hal ini tidak benar; dan jika kamu akan bertanya dengan hati yang tulus, dengan niat yang bersungguh-sungguh, beriman kepada Kristus, Dia akan menyatakan kebenarannya kepadamu, melalui kuasa Roh Kudus.

“Dan melalui kuasa Roh Kudus kamu dapat mengetahui kebenaran tentang semua hal.” (Monori 10:4–5).

Perjanjian itu adalah pasti. Berjuta-juta orang sudah menguji dan membuktikan perjanjian tentang doa itu dengan menerima satu berkat yang memberkati hidup mereka dengan kebahagiaan dan kegembiraan yang berpanjangan. Perjanjian itu boleh diaplikasikan ke atas semua doa kita untuk mengetahui fikiran dan kehendak Tuhan bagi kita. Kita boleh mengaplikasikan perjanjian ini bila-bila pun kita

menerima nasihat dari seorang hamba Tuhan yang berwenang untuk memberi kita arahan. Sebagai contoh, kita boleh bergantung pada perjanjian itu apabila kita mendengar khutbah pada persidangan umum. Kita boleh mengaplikasikan perjanjian itu apabila kita diajar oleh para mubaligh yang rendah hati yang dipanggil oleh Tuhan melalui nabi yang hidup. Ia juga boleh diaplikasikan ke atas nasihat yang kita terima dari uskup atau presiden cabang kita.

Peraturan untuk doa yang berkesan mudah sahaja. Kita mesti tanya untuk mengetahui perkara yang benar dengan berdoa kepada Bapa dalam nama Yesus Kristus. Kita mesti tanya dengan hati yang tulus ikhlas, ini bererti kita mesti mempunyai satu niat yang jujur untuk melakukan apa-apa pun yang diperlukan oleh jawapan Tuhan. Dan niat benar kita mesti datang dari iman kita kepada Yesus Kristus.

Penyelidik yang membaca Kitab Mormon sebelum dibaptiskan dan ditetapkan boleh menerima satu kepastian bahawa kitab itu benar dan bahawa Joseph Smith menterjemahkan kitab itu melalui Kuasa Tuhan. Selepas ditetapkan sebagai seorang ahli Gereja, kita boleh mempunyai Roh Kudus sebagai teman kita untuk menetapkan kebenaran lain. Kemudian, apabila kita berdoa dengan beriman, kita boleh harapkan Roh Kudus memberi saksi kepada kita bahawa Yesus ialah Kristus, Bapa Tuhan hidup, dan Mereka menyayangi kita serta semua anak-anak Bapa Syurgawi.

Ini ialah salah satu sebab adanya satu perjanjian dalam Kitab Mormon bahawa kita akan mempunyai kasih ihsan dalam hati kita apabila Roh Kudus memberi kesaksian

kepada kita bahawa Yesus ialah Kristus: “Jika seseorang manusia melembutkan hati dan rendah hati, dan mengakui melalui kuasa Roh Kudus bahawa Yesus adalah Kristus, dia mestilah perlu mempunyai kasih ihsan” (Moroni 7:44).

Adanya satu peluang untuk berkembang secara rohani setiap hari Ahad Puasa. Hari Ahad Puasa boleh menolong kita untuk mengalami pengalaman Alma dan para putera Mosia, yang berdoa dan berpuasa untuk mengetahui kebenaran abadi supaya mereka boleh ajar bangsa Laman dengan kuasa, wewenang, dan kasih sayang (lihat Alma 17:3, 9).

Pada hari Ahad Puasa kita gabungkan doa dengan puasa. Untuk memberkat orang miskin, kita berikan satu sumbangan puasa yang murah hati kepada uskup atau presiden pancang yang bernilai sekurang-kurangnya dua hidangan yang kita tidak makan. Fikiran dan doa kita berpaling kepada Juruselamat dan kepada orang yang Dia hendak kita layan untuk menyelesaikan keperluan rohani dan jasmani mereka.

Doa dan hasrat kita menjadi lebih dekat seperti doa dan hasrat Juruselamat semasa kita berpuasa untuk menjadi lebih lembut hati, lebih boleh diajar, dan lebih berkasih sayang. Seperti Dia, kita berdoa untuk mengetahui kehendak Bapa bagi kita dan untuk melakukan kehendak itu.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Eyring mengajar bahawa doa dan puasa boleh menolong kita untuk mengetahui “kebenaran abadi.” Timbangkan kesaksian orang yang kamu kunjungi yang mungkin perlu diperkukuhkan dan sediakan satu pelajaran tentang topik itu. Sebagai contoh, jika orang yang kamu kunjungi kehilangan seorang sahabat atau ahli keluarga, bertimbang untuk berbincang tentang keluarga yang abadi dan kehidupan selepas kematian. Kamu boleh berpuasa bersama mereka untuk menolong mereka untuk menerima satu kesaksian tentang prinsip itu.

REMAJA

Bersedia sebelum Kamu Berdoa

Presiden Eyring memperingatkan kita bahawa doa “ialah satu komunikasi dua hala di antara Tuhan

dan anak-anak-Nya.” Mengambil masa untuk menyediakan doa kita boleh membuat komunikasi dua hala ini satu kemungkinan. Setiap hari untuk beberapa minit, kamu boleh gunakan jurnal kamu untuk membuat persediaan. Kamu boleh buat satu senarai berkat yang kamu ingin bersyukur kepada Bapa Syurgawi, orang yang perlu doa kamu, dan soalan-soalan yang perlu jawapan. Kemudian jemputkan Roh dengan menyanyi lagu rohani atau membaca beberapa ayat suci. Semasa kamu berdoa, berikan perhatian kepada cara Roh Kudus membimbing apa yang harus kamu ucapkan, dan berikan perhatian kepada perasaan dan fikiran kamu (lihat A&P 8:2–3). Bertimbang untuk mencatatkan pengalaman kamu dalam jurnal kamu dan mengulang kaji semula jawapan yang sudah kamu terima. Kamu juga boleh gunakan aktiviti-aktiviti pada muka surat 95–97 dalam *Khutbahkan Injil-Ku: satu Panduan untuk Pelayanan Mubaligh* untuk menolong kamu untuk menilai doa kamu dan untuk mengenali Roh Kudus.

KANAK-KANAK

Sandwic Doa

Bagaimana kamu boleh tahu apa yang harus kamu ucapkan apabila kamu berdoa? Kamu boleh bermula dengan “Bapa Syurgai,” dan tamat dengan “Dalam nama Yesus Kristus, amin.” Apa yang kamu ucapkan di tengah ialah pilihan kamu, seperti memilih bahan yang kamu letak dalam sandwic kamu.

Lukiskan satu gambar sandwic, pilihkan bahan yang berbeza yang ingin kamu letak dalam sandwic kamu. Pada setiap keping daging atau topping atau di antara kepingan roti, tuliskan satu perkara yang kamu ingin berdoa tentang. Kamu boleh ucapkan “terima kasih” demi berkat-berkat, ucapkan kekhuatiran kamu, mintakan berkat, atau berdoa tentang soalan-soalan.

Kamu boleh guntingkan lukisan sandwic kamu. Gantungkan lukisan itu dalam bilik kamu untuk memperingatkan kamu tentang perkara yang boleh kamu ucapkan dalam doa kamu.

© 2014 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicetak di USA. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/14. Kelulusan penterjemahan: 6/14. Penterjemahan *First Presidency Message, October 2014*. Malay. 10870 348



Misi Ilahi Yesus Kristus: Roti yang Memberikan Hidup

Iman, Keluarga, Pertolongan

Kajikan bahan bacaan ini dengan berdoa dan carikan perkara yang harus dikongisikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan misi Juruselamat boleh meningkatkan iman kepada Dia dan boleh memberkat mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Yesus berfirman, “Akulah roti yang memberikan hidup, roti yang turun dari syurga. Orang yang makan roti ini akan hidup selamanya” (Yohanes 6:51). “Yesus mengajar kita, para pengikut-Nya, bahawa kita harus berpandang kepada Tuhan setiap hari untuk roti itu—bantuan dan zat—yang kita perlukan pada hari itu,” kata Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Jemputan Tuhan itu. . . menghuraikan seorang Tuhan yang berbelas kasihan, sedar tentang keperluan harian anak-anak-Nya, walaupun keperluan itu mungkin kecil sahaja, dan Dia ingin menolong mereka, satu demi satu. Dia kata bahawa kita boleh tanya dengan beriman kepada Dia yang “memberikan denga murah hati dan dengan sukacita kepada setiap orang’ (Yakobus 1:5).”¹ Apabila kita faham bahawa Yesus Kristus akan sedia demi keperluan kita, kita akan berpaling kepada Dia untuk menerima zat rohani.

Elder Jeffrey R. Holland dari Kuorum Dua Belas Rasul menjemput

kita “untuk menyertai kembara para pengikut awal Kristus yang inginkan roti yang memberi hidup—mereka yang *tidak* tinggal tetapi pergi kepada Dia, dan tetap bersama Dia, dan mereka mengenali bahawa tidak ada siapa pun boleh mereka pergi untuk memperoleh jaminan dan penyelamatan.”²

Ayat-ayat Suci Tambahan

Yohanes 6:32–35; Alma 5:34;
3 Nefi 20:3–8

Dari Tulisan Suci

Yesus Kristus mengajar satu kumpulan 4,000 ribu orang. Selepas tiga hari, dia kata kepada para pengikut-Nya: “Aku kasihan kepada orang ramai ini. . . Mereka kehabisan makanan.

“Jika Aku menyuruh mereka pulang dengan perut kosong, mereka akan pengan di tengah jalan. . .

“Pengikut-pengikut Yesus bertaunya kepada-Nya, Di tempat terpencil ini, di manakah orang boleh mendapat cukup makanan untuk semua orang ini?

“Yesus bertanya kepada mereka, Berapa banyak roti yang ada pada kamu? Tujuh ketul, jawab mereka.”

Kemudian Kristus “mengambil tujuh ketul roti itu dan mengucap syukur kepada Tuhan. Kemudian Dia membahagikan roti itu, lalu menyerahkannya kepada para pengikut-Nya; . . .

“Mereka juga mempunyai beberapa ekor ikan kecil. Yesus mengucap syukur kepada Tuhan bagi ikan itu, lalu menyuruh pengikut-Nya membahagi-bahagikan ikan itu juga.

“Semua orang makan sehingga kenyang . . . Selepas itu pengikut-pengikut Yesus mengumpulkan lebihan roti dan ikan sebanyak tujuh buah bakul.” (Lihat Markus 8:1–9).

NOTA

1. D. Todd Christofferson, “Recognizing God’s Hand in Our Daily Blessings,” *Liahona*, Jan. 2012, 25.
2. Jeffrey R. Holland, “He Hath Filled the Hungry with Good Things,” *Liahona*, Jan. 1998, 76.

Timbangkan ini

Apabila kita datang ke Kristus, bagaimana Dia memberi zat kepada kita?